

CNS2766

UPB 03-08 00155 BH539

aab

Mahathir

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** hari ini berkata **rakyat** akan rugi jika **ksrajaan** gagal melaksanakan rancangan pembangunan **kerana** kekurangan tanah.

Rakyat juga **altar-1 menderita** sekiranya **kerajaan** tidak dapat mendirikan rumah, **hospital**, jalan, sekolah dan kemudahan lain disebabkan **tidak** ada lagi tanah, **katanya** ketika merasmikan **Persidangan' Perwaki 1 an Part i Gerakan** **lie-20** disini.

+Seperti yang diketahui **idak** banyak lagi tanah yang masih tinggal, + **ka t a** Perdana Menteri **bagi** menangkis **tuduhan psmbangkang** mengenai **I** **angkah** kerajaan meminda Akta **Pengarnbilan Tanah 1960**.

Memandang tanah **merupakan** aseh yang **ki an** susut, **beli au** berkata adalah **pen-t ing** **bag i** kerajaan **d ibsr i** kuasa **mendapatkan** tanah untuk **tuj uan** pembangunan **yang ber t erusan** .

+P **inrlaan** itu untuk kebaikan bersama **rakyat memandangkan** bilangan penduduk **yang** bertambah **dan j uga** **kerana** keperluan pembangunan, + **katanya**.

R ang undang-undang itu telah **diluluskan** oleh Dewan Rakyat dalam persidangannya **yang** baru tamat dan **akan dikemukakan** kepada Dewan Negara. --
Lagi

♥03/08/13-18MST

CNS2768

U PR 03-08 00138 BH540

aab

Mahathir 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata langkah kerajaan meminda akta itu telah diputarbeli. **tkan** untuk kepentingan **part i** lawan sehingga ada **pihak menuduh** bahawa **tujuannya** hendak merampas tanah kepunyaan **bukan Bumiputera**.

Tuduhan itu **tidak** berasas sama sekali, kata Perdana Menteri dan menyifatkannya sebagai **tidak bertanggungjawab** dan **merbahaya**.

+Dal am pengambilan apa jua tanah, **ksrajaan** tidak msngambil kira sama ada **ianya** kepunyaan Bumiputera atau bukan **Rumiputera**.

+Kerajaan **t i dak** akan menggunakan sentimen perkauman. Ini bukan cara pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional, + kata **Datuk Seri Dr Mahathir**, 'yang **j uga** pengerusi BN.

Beliau berkata menuduh pindaan itu dibuat **kerana** bermotivasikan perkauman untuk mengambil tanah dari pada sesuatu kaum adalah juga satu tuduhan **tidak logik** **kerana** sebagai kerajaan yang dipilih oleh rakyat, ia tidak akan **mengambi l** tanah rakyat **j ika t i dak** atas kepentingan nasional.--

La3 i

♥03/08/13-27MST

CNS2772

U PB 03-08 00150 BH541

aab

Mahathir 3 Kuala Lumpur

Kerajaan akan member-i pampasan yang berpatutan dan jika rakyat tidnk berpuas hati dengan jumlahnya, mereka boleh membawa hal itu ke mahkamah, kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Katanya, tuduhan parti-parti lawan bahawa kerajaan tidak bertanggungjawab dan adil sudah menjadi satu tabiat dan mereka akan mengulangi tuduhan itu set-j ap kali berucap.

+Dalam pilihan raya kecil Prai, kita telah melihat bagaimana parti l awan memburuk-burukkan kerajaan dengan tuduhan-tuduhan palsu dan mengeksploitasikan isu-isu perkauman,+ katanya.

Dengan memainkan sentimen kaum, beliau berkata parti-parti lawan telah menang di beberapa kawasan dalam pilihan raya umum tahun lepas.

+Walaupun penyiasatan dibuat oleh tokoh-tokoh yang memihak kepada mereka dan penyiasatan menunjukkan bahawa tuduhan mereka tidak benar namun mereka akan terus mengulangi tuduhan yang, sama.

+Hanya apabila orang yang dituduh oleh mereka menjadi kawan mereka barulah mereka menghentikan tuduhan itu,+ kata Perdana Manteri. -- Bernama

♥03/08/13-41MST